



## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

### MENGENAI BANGKAI KERETA TERPAKAI / KERETA LUSUH / END OF LIFE VEHICLES (BEYOND ECONOMIC REPAIR)

16 NOVEMBER 2017

---

1. Kerajaan masih dalam kajian dan membuat perancangan yang teliti dan komprehensif bagi cadangan pelaksanaan dasar yang mengenai pelupusan bangkai kereta terpakai / kereta lusuh atau *End of Life Vehicles* yang telah diumumkan dalam *National Automotive Policy (NAP 2014)* buat masa ini.
2. Keputusan Kabinet pada 6 September 2017 meminta Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) bersama Kementerian Pengangkutan (MOT) mendapatkan penyelesaian bagi isu kenderaan terpakai, terbiar dan berlonggok di kawasan PBT secara bersepadu.
3. NRE melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengkaji punca kuasa peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam sekeliling, 1974 bagi memastikan bahawa segala buangan terjadual atau hazardous wastes yang dihasilkan daripada proses pengurusan dan pelupusan bangkai kereta terpakai / kereta lusuh atau *End of Life Vehicle* dapat diuruskan dengan baik tanpa mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

4. Mesyuarat terkini dengan MOT pada 24 Oktober 2017 telah menggariskan beberapa cadangan dasar 'deregistered' kenderaan dan perlu pindaan kepada Akta Pengangkutan Jalan, 1987. Di peringkat JAS, peruntukan Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 memerlukan pindaan untuk memasukkan elemen *End of Life Vehicle*.

5. NRE juga akan memastikan kemudahan pelupusan (*burial ground*) yang komprehensif dan berintegritas dengan "*best available technology (BAT)*" bagi menangani masalah pelupusan tanpa menjejaskan alam sekitar. Jawatankuasa atau *taskforce* yang bakal ditubuhkan di peringkat NRE juga akan menyelaras dan memastikan mekanisme pelupusan buangan terjadual atau *hazardous wastes* yang dihasilkan daripada pelupusan bangkai kereta terpakai / kereta lusuh atau *End of Life Vehicles* dapat mematuhi sepenuhnya peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

6. Sehubungan dengan itu, JAS akan merangka satu dasar baru dan pindaan peraturan atau garis panduan bagi mewujudkan mekanisme kemudahan pelupusan (*burial ground*) kereta terpakai/ kereta lusuh atau *End of Life Vehicles* (ELV) untuk menangani masalah pelupusan bangkai kereta terpakai secara sempurna tanpa menjejaskan alam sekitar.

Untuk makluman lanjut

Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib bin Che Ibrahim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar  
Tel: 03-8871 2046  
e-mail: [aki@doe.gov.my](mailto:aki@doe.gov.my)

Mohd Haizul bin Hod  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Tel: 03 – 8886 1585  
e-mel: [haizul@nre.gov.my](mailto:haizul@nre.gov.my)